

Bersama Rektor...

Bersama Rektor...

PROFESOR DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN



MyKUKUM (MK) : Assalamualaikum w.b.t., seperti yang kita sedia maklum KUKUM kini telahpun beroperasi selama hampir lapan bulan. Bolehkah Y. Bhg. Profesor menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang sejarah penubuhan KUKUM?

Y. Bhg. Profesor Dr Kamarudin Hussin (Dr K) : Waalaikumussalam, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia ataupun singkatannya KUKUM ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam pada 25 Julai 2001 setelah diluluskan oleh Jemaah Menteri untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara. Pelantikan saya sebagai Rektor dan **Profesor Madya Dr Ali Yeon Md Shakaff selaku Timbalan Rektor (Akademik)** pula adalah berlaku lebih awal iaitu pada 16 Februari 2002 dan diikuti dengan perlantikan Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan. **KUKUM kini berpusat di dua buah lokasi iaitu di Kampus Kubang Gajah, Arau dan juga di Bangunan Kumpulan Wang dan Simpanan Pekerja (KWSP), Kangar.** Para pelajar kami pula ditempatkan di **Kolej Kediaman,**

Taman, Aman, Bintong, Kangar.

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana Kolej Universiti ini telah berjaya ditubuhkan dalam jangka masa yang pendek. KUKUM telah menerima seramai **119 orang pelajar kumpulan pertamanya pada 20 Jun 2002** yang lalu dan perkembangan infrastruktur untuk tujuan pentadbiran, makmal, dan dewan kuliahnya juga telah lengkap. Kumpulan pelajar sulung KUKUM ini turut diberikan pelbagai kemudahan yang lengkap dari segi tenaga pengajar meliputi Pensyarah dan Jurutera Pengajar yang berpengalaman. Pelajar-pelajar juga ditempatkan di kolej kediaman yang lengkap dan selesa termasuk kemudahan komputer, kantin, surau serta rumah kediaman yang menempatkan hanya 6 orang pelajar di dalam sebuah rumah. Perkhidmatan perpustakaan yang lengkap untuk rujukan pelajar pula adalah beroperasi di Paras 2, Bangunan KWSP, Kangar. KUKUM turut menyediakan pengangkutan bas yang sistematik untuk membawa pelajar dari kolej kediaman ke pusat-pusat pengajian, perpustakaan dan juga ke sekitar Bandar Kangar. Untuk makluman semua, sebelum ini KUKUM telah menyewa tiga buah bas untuk kemudahan pelajar, walaubagaimanapun sejak bulan Ogos yang lalu tiga buah bas yang dibeli KUKUM telahpun kita terima. Ini semua kita usahakan untuk menjamin kemudahan dan keselesaan pelajar dan bagi memastikan pelajar kita dapat meneruskan pengajian mereka dalam suasana yang selesa di KUKUM setanding dengan IPTA yang lain di seluruh negara. Kini, KUKUM telah mempunyai jaringan ICT yang baik di Kampus Kubang Gajah dan juga di Bangunan KWSP dan kita cuba menyediakan kemudahan ICT di kolej kediaman pelajar dalam jangkamasa terdekat.

MK : Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan merupakan motto yang menjadi pegangan kepada seluruh warga KUKUM, dapatkah Y. Bhg. Profesor ulaskan kenapakah moto ini dipilih untuk dijadikan garis panduan kepada seluruh warga KUKUM?

Dr K : Motto ini dipilih berlandaskan beberapa perkara. Kalau dilihat, ilmu menjadi peneraju kepada amalan yang diamanahkan oleh Tuhan. Setiap pekerjaan yang kita lakukan haruslah berlandaskan kepada ilmu dan ilmu merupakan aspek terpenting dalam kehidupan manusia. Pelajar-pelajar meneruskan pengajian dengan memasuki KUKUM ini juga adalah dengan tujuan untuk mencari ilmu, meningkatkan ilmu dan akhir sekali untuk mengaplikasikannya.

Manakala keikhlasan kepadaNya adalah mendasari penerokaan ilmu. Setiap perkara yang dilakukan mestilah ikhlas kerana Allah dalam segenap perlakuan yang dizahirkan. Namun, apa yang ingin ditekankan di sini adalah hubungan sesama insan di bumi KUKUM ini keikhlasan adalah lebih ditekankan terutamanya dalam hubungan guru dan murid ataupun para pensyarah dengan pelajarinya.

Kecemerlangan pula akan lahir dengan sendirinya sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan sebaiknya. Maksudnya di sini, gabungan antara ilmu dan keikhlasan akan mewujudkan kecemerlangan dan kecemerlangan di sini bukan hanya dari aspek akademik, malahan kecemerlangan dari segenap



Bersama Rektor...

aspek kehidupan termasuklah rohani dan jasmani dalam diri setiap insan.

MK : Saya difahamkan bahawa Bengkel Pengurusan Strategik yang diadakan di Pulau Langkawi pada bulan Ogos yang lalu adalah bertujuan untuk menetapkan visi dan misi KUKUM. Apakah hasil keputusan daripada bengkel berkenaan, maksud saya di sini berkenaan dengan visi dan misi KUKUM?

Dr K : Bengkel Pengurusan Strategik yang diadakan adalah untuk menggubal halatuju dan perancangan masa hadapan KUKUM bagi tempoh lima tahun yang akan datang untuk empat urusan pentingnya iaitu Akademik (Pengajaran-Pembelajaran dan Penyelidikan), Pembangunan Insan (Pelajar dan Staf), Khidmat Masyarakat dan Pentadbiran.

Melalui bengkel berkenaan, beberapa pengisian utama bagi misi, visi dan falsafah KUKUM telah dikenalpasti.

Terdapat empat misi yang dicadangkan dalam bengkel tersebut dan setelah diputuskan misi KUKUM iaitu **'Merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia'** telahpun dipilih.

Begitu juga dari segi visinya, terdapat empat cadangan visi yang telah diperbincangkan dan visi KUKUM yang menjadi pegangan semua warga KUKUM ialah untuk **'Menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang'**.

Hasil daripada Bengkel Pengurusan Strategik itu, beberapa falsafah yang mengandungi misi, visi dan perkara-perkara utama lain yang berkaitan turut disenaraikan. Antaranya ialah KUKUM ditubuhkan atas kesedaran bahawa pembangunan dan kesejahteraan negara memerlukan sumbangan warga yang mempunyai ciri-ciri yang hebat dalam bidang kejuruteraan dari perspektif akademik dan juga sahsiah. Urusan utama KUKUM adalah terdiri daripada pengajaran-pembelajaran, penyelidikan-pembangunan, pembangunan insan dan pembangunan masyarakat yang mana semua perkara ini didukung oleh sistem pentadbiran dan pengurusan yang unggul. Selain itu, semua warga, tidak mengira agama, bangsa dan kedudukan teguh bersatu di bawah panji-panji KUKUM turut menjadi falsafah kita. Terdapat beberapa lagi falsafah yang ditetapkan dalam bengkel berkenaan di mana saya tidak dapat untuk menyenaraikan kesemuanya di sini.

Antara sasaran ataupun matlamat lain yang ditetapkan adalah untuk mengintegrasikan pembangunan insan dalam kurikulum, melengkapkan pelajar dengan persiapan yang seimbang dan memenuhi kehendak sektor industri, memupuk budaya integrasi kaum di kalangan pelajar, melahirkan budaya cintakan kecemerlangan akademik di kalangan pelajar serta melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri seperti nilai kepimpinan yang tinggi, mampu berfikir dan bertindak secara rasional dan bijaksana, nilai jatidiri yang utuh, dan berkualiti tinggi dalam bidang ilmu dan kemahiran.



Matlamat KUKUM yang seterusnya adalah untuk menyediakan sistem kewangan yang efisien dengan mengambilkira peraturan universiti, mengurangkan dan menghapuskan kelemahan pentadbiran yang mungkin wujud dalam sistem kini, serta manambahbaik sistem tersebut secara berterusan dan yang terakhir sekali adalah untuk membentuk jalinan kemesraan dengan masyarakat setempat dan seterusnya menjadi ejen dan pemangkin kepada penambahbaik masyarakat.

Kesemua perkara yang saya nyatakan sebentar tadi adalah merupakan matlamat ataupun sasaran yang ingin dicapai KUKUM dan dari aspek objektifnya pula tidak perlulah rasanya kita perbincangkan di sini kerana ianya terlalu banyak untuk diperkatakan. Pada pendapat saya, 12 buah matlamat yang saya senaraikan sebentar tadi turut menjuruskan kepada 55 buah

Bersama Rektor...

objektifnya kerana kesemua objektif yang dikenalpasti adalah berlandaskan kepada 12 buah matlamat tadi.

MK : Adakah Y. Bhg. Profesor yakin bahawa kedua-dua matlamat ini dapat direalisasikan dan sejauh manakah pandangan Y. Bhg. Profesor tentang perkara ini?

Dr K : Saya berasa amat yakin bahawa kesemua matlamat tadi dapat direalisasikan mengikut jangkamasa yang telah kita tetapkan memandangkan KUKUM kini mempunyai barisan staf yang dedikasi dan sentiasa memberikan komitmen yang sepenuhnya dalam tugas. Ditambah pula dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi di samping sifat proaktif yang telah tertanam dalam diri setiap staf KUKUM, maka saya begitu yakin bahawa tiada masalah bagi kita untuk mencapai kesemua matlamat yang kita sasarkan. Insya Allah

MK : Sepanjang lapan bulan penubuhan KUKUM di Negeri Perlis ini, apakah masalah-masalah ataupun halangan-halangan yang terpaksa Y. Bhg. Profesor hadapi selaku Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia?

Dr K : Masalah yang terpaksa kita hadapi yang pertamanya adalah dari aspek untuk mendapat lebih ramai tenaga pengajar untuk menampung pertambahan bilangan pelajar pada masa hadapan. Ini kerana tenaga akademik yang berpengalaman yang diperlukan KUKUM ini sukar untuk kita dapatkan mengikut bilangan yang kita sasarkan memandangkan pada kebiasaannya, tenaga pengajar ini kita ambil dari universiti-universiti yang sedia ada dan tenaga pengajar yang kita perlukan ini sukar untuk dilepaskan dari universiti tempat mereka berkhidmat yang terdahulu.

Masalah yang kedua adalah dari aspek untuk mendapatkan kelulusan tapak untuk membangunkan Kampus Tetap KUKUM. Tapak yang pertama adalah terletak di Pauh, Perlis yang seluas lebih kurang 500 ekar, dan tapak keduanya pula adalah terletak di Sungai Chuchoh iaitu satu lokasi yang berhampiran dengan Pekan Padang Besar yang mana keluasannya adalah kira-kira 300 ekar. Nampaknya, sekarang ini kita tiada masalah untuk membangunkan kampus tetap kita di lokasi yang pertama iaitu di Pauh, walaubagaimanapun pada peringkat awalnya terdapat sedikit masalah untuk mendapatkan dan membangunkan kampus tetap di Sungai Chuchoh namun, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Perlis sendiri, Alhamdulillah segala-galanya telah berjalan dengan lancar. Jadi masalah yang mungkin timbul daripada aspek penempatan pelajar di kampus tetap KUKUM nanti dalam jangka masa tiga ke empat tahun dari sekarang telah dapat kita atasi.

MK : Bagaimanakah Y. Bhg. Profesor menangani masalah-masalah ini dalam menjamin KUKUM dapat berkembang dengan meminimumkan kekangan-kekangannya dengan sebaik mungkin?

Dr K : Apa yang cuba kita lakukan sekarang adalah untuk mengenalpasti masalah yang wujud itu dahulu sebelum melaksanakan apa-apa tindakan penyelesaian. Setelah itu, kita

akan cuba berusaha dengan sedaya upaya kita dengan menyumbangkan segenap tenaga untuk menyelesaikan semua masalah yang kita hadapi dengan sebaik mungkin dan seberapa segera yang termampu. Saya selaku Rektor Kolej Universiti ini akan memastikan semua masalah ini dapat diatasi dan diselesaikan demi menjamin keselesaan kepada semua warga KUKUM.

MK : Bagaimanakah hubungan Kolej Universiti ini dengan masyarakat setempat, maksud saya di sini adakah aktiviti-aktiviti KUKUM yang dijalankan melibatkan penyertaan masyarakat setempat?

Dr K : KUKUM mempunyai hubungan yang begitu positif dengan masyarakat setempat dan ini merupakan salah satu daripada dua belas (12) buah matlamat yang ditetapkan KUKUM iaitu dengan membentuk jalinan kemesraan dan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan masyarakat.

Buktinya, KUKUM bergiat aktif dengan sebarang program yang dianjurkan oleh badan kerajaan ataupun agensi swasta dengan menghantar setiap penyertaan dalam program-program yang melibatkan masyarakat setempat. Untuk makluman semua, kita telah mengadakan program berjalan kaki sejauh sepuluh (10) kilometer ke Kampung Seri Gelam dan Kampung Tambun Tulang dengan diterajui oleh saya sendiri. KUKUM juga telah mengambil Kampung Seri Gelam sebagai kampung angkat kita dan program-program bersama telah dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa sebagai contoh dengan mengadakan aktiviti gotong-royong. Selain itu, pihak Pusat Pengajian juga turut mengadakan program-program kemasyarakatan seperti program siswa masuk kampung-celik komputer yang diadakan pada 27 hingga 29 Oktober 2002 yang lalu. Terdapat banyak lagi aktiviti KUKUM yang bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat setempat dan saya akan pastikan hubungan yang positif antara KUKUM dengan masyarakat akan dikekalkan dengan sebaik-baiknya.

MK : Akhir kata, apakah harapan Y. Bhg. Profesor terhadap semua staf dan pelajar, serta seluruh penduduk di Negeri Perlis ini?

Dr K : Saya meletakkan harapan yang begitu tinggi kepada semua staf dan pelajar-pelajar saya. Saya amat berharap agar semua staf saya akan meneruskan komitmen kerja yang sebegini dan bekerja kuat serta menjadikan motto KUKUM iaitu 'Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan' sebagai garis panduan dalam meneruskan apa jua jenis perlakuan. Selain itu, saya amat berharap agar semua staf saya akan menguatkan lagi semangat kerja berpasukan serta kekalkan sifat proaktif dalam diri setiap warga KUKUM.

Kepada siswa-siswi yang saya sayangi pula, saya mendoakan agar pelajar semua akan terus mengekalkan jati diri sebagai bangsa Malaysia yang sejati, bermaruah, berbudi pekerti dan sentiasa berusaha untuk terus belajar dan bersemangat.